

20/05/2000

Kenyataan Amien boleh gugat hubungan Malaysia-Indonesia

Johari Mohd

SELEPAS sekian lama Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat (MPR), Amien Rais tidak menyentuh hal ehwal Malaysia, beliau kembali mencetuskan kontroversi dengan mengkritik layanan yang diberikan terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pada sidang akhbar bersama Presiden Parti Keadilan, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang membuat lawatan selama empat hari ke Indonesia mulai Isnin lalu, Amien mendakwa layanan pihak berkuasa ke atas Anwar tidak bertamadun.

"Anwar sepatutnya dilayan seperti pesalah politik bukannya penjenayah politik," katanya pada sidang akhbar di Masjid Al-Azhar, Jakarta, Khamis lalu.

Kritikan itu tidak mungkin dilakukan jika tidak kerana kehadiran Wan Azizah yang memberikan gambaran salah terhadap layanan yang diberikan terhadap suaminya itu.

Wan Azizah yang gagal mendapat sokongan di negara sendiri, meraih simpati di negara jiran dengan memburukkan negara sendiri di beberapa majlis ceramah yang dihidanginya sepanjang empat hari itu.

Antaranya beliau menyatakan demokrasi di Malaysia tertinggal berbanding Indonesia. Bezanya proses reformasi di Malaysia dimenangi pihak berkuasa manakala reformasi di Indonesia dimenangi pihak reformis.

Wan Azizah juga mendakwa, hingga kini keluarganya sangat dibatasi kebebasan, malah untuk muncul di televisyen juga tidak diizinkan Kerajaan Malaysia.

Tidak cukup dengan itu, anaknya, Nurul Izzah turut mengadakan ceramah di Institut Teknologi Bandung (ITB), Rabu lalu. Beliau juga memburukkan negara sendiri dengan menyamakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan bekas Presiden Suharto. "Dr Mahathir sewajarnya didesak meletakkan jawatan seperti Suharto," katanya. Pembangkang di Malaysia, katanya, tidak akan berhenti meneruskan perjuangan sehingga Dr Mahathir meletakkan jawatan.

Lawatannya ke Indonesia ialah untuk mendapatkan sokongan daripada pelbagai pihak di republik berkenaan. Beliau juga kesal dengan sesetengah pihak di Indonesia yang memberi sokongan kepada Dr Mahathir.

Selain bertemu Amien, Wan Azizah juga menemui Presiden Abdurrahman Wahid atau Gus Dur; Naib Presiden, Megawati Sukarnoputri dan tokoh politik lain. Beliau dilayan seperti anak emas dan turut diundang oleh dua stesen televisyen swasta untuk memberikan pendapat mengenai reformasi di Malaysia dan layanan terhadap suaminya.

Beberapa akhbar utama juga memberikan liputan meluas terhadap kehadiran Wan Azizah sejak beliau tiba di Lapangan Terbang Soekarno-Hatta hinggalah ke majlis yang dihadiri.

Media massa Indonesia yang pro-Anwar selama ini, memang menunggu kedatangan Wan Azizah kerana berita negatif mengenai Malaysia memang menjadi kesukaan mereka.

Walaupun sudah beberapa kali diberi penerangan oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengenai kes Anwar itu kepada media massa terbabit, tetapi mereka bolehlah diibaratkan seperti "masuk telinga kanan keluar telinga kiri".

Kritikan Amien terhadap Malaysia adalah santapan enak untuk mereka sajikan kepada pembaca. Memang diakui Amien mempunyai hubungan rapat dengan Anwar, tetapi beliau sepatutnya menyedari bahawa sebarang kritikan

yang dilemparkan akan menyingung perasaan rakyat negara jirannya itu.

Jelaslah, beliau tidak mementingkan semua itu, hanya kerana mempunyai hubungan baik dengan Anwar dan mahu menunjukkan kepada Wan Azizah beliau tetap menyokong apa yang diperjuangkan selama ini.

Beliau juga sengaja tidak mahu memahami sistem perundangan Malaysia semata-mata untuk menarik simpati Wan Azizah yang meluahkan perasaan mengenai nasib suaminya itu.

Tindakan beliau ini juga boleh menjejaskan hubungan dua hala dengan Malaysia yang kini mulai pulih selepas Dr Mahathir berkunjung ke Jakarta, baru-baru ini. Mulut celuparnya itu juga pasti menyulitkan kedudukan Gus Dur yang mahu menjalin hubungan baik dengan Malaysia.

Ia juga mungkin helah beliau untuk menjejaskan imej Gus Dur selepas hubungan antara kedua-duanya retak akhir-akhir ini. Beliau mahu Gus Dur yang kini berperang dengan masalah dalaman panas punggung dengan kritikan beliau terhadap Malaysia itu.

Bagi Amien, menjaga hubungan dua hala adalah masalah Gus Dur, bukan masalah beliau. Tidak hairanlah jika Syed Hamid membidas kenyataan Amein yang juga Ketua Umum Parti Amanat Nasional (PAN) itu.

Syed Hamid kesal dengan kenyataan Amien itu, yang jelas tidak memahami semangat Asean dengan mencampuri urusan dalaman negara jiran. Kenyataan itu bukan saja tidak tepat malah menyingung perasaan rakyat Malaysia dan mempersendakan sistem kehakiman.

"Sebagai orang yang berpengalaman dan menjawat jawatan tinggi dalam sistem perundangan di Indonesia, beliau seharusnya faham keadaan sebenar kes ini walaupun dia tidak bersetuju Anwar dibawa ke perundangan tetapi itu bukan dalam bidang kuasa beliau," kata Syed Hamid.

Amien sendiri sepatutnya menyedari bahawa Malaysia menghormati Indonesia sebagai negara jiran dan rakan yang sentiasa menjaga hubungan dua hala serta kepentingan kedua-duanya.

Beliau juga perlu menerima hakikat bahawa parti pembangkang ditolak oleh rakyat Malaysia dalam pilihan raya umum, baru-baru ini dan parti yang dipimpin oleh Wan Azizah tidak mendapat tempat di hati pengundi.

Sudah sampai masanya, Amien belajar menghormati negara jirannya dan tidak mudah terpengaruh dengan apa yang dikatakan oleh isteri rakan baiknya itu.

Di samping itu, Wan Azizah dan anaknya juga perlu menerima hakikat perjuangan mereka sudah berakhir dan kembali ke pangkal jalan. Apa gunanya memburukkan negara sendiri di perantauan, bak kata pepatah tepuk air di dulang terpecik ke muka sendiri.

(END)